

Tindakan Najib main isu perkauman tanda terdesak, kata Guan Eng
Free Malaysia Today
Dec 4, 2016
Nawar Firdaws

Setiausaha agung DAP mengakui Dr Mahathir tidak pernah menggunakan isu perkauman semasa memerintah kerana beliau mampu menguruskan negara dengan baik.

SHAH ALAM: Tindakan Umno memainkan isu perkauman adalah tanda ia berada dalam keadaan terdesak, kata Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Beliau berkata, tidak seperti presiden semasa Umno Datuk Seri Najib Razak, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menggunakan sebarang “taktik kotor” sepanjang 22 tahun beliau memimpin parti.

“Dr Mahathir, pada perhimpunan agung Umno zamannya, tidak pernah menggambarkan DAP sebagai musuh nombor satu beliau.

“Beliau tidak perlu melakukan ini kerana mampu mengurus negara dan ekonomi dengan baik.

“Tetapi Najib gagal dan untuk mengalihkan perhatian daripada kegagalan itu, beliau terpaksa menggunakan agama dan bangsa dengan harapan ia akan menakutkan orang Melayu (agar mengundi Umno),” kata Lim dalam ucapan penggulungannya di Persidangan Kebangsaan DAP di sini hari ini .

Menurut Lim, ini susulan Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini menyaksikan pemimpin parti itu melabel DAP sebagai anti-Melayu.

Bagaimanapun Dr Mahathir, yang membuat penampilan mengejut pada persidangan itu pagi ini, berkata daripada pemerhatiannya, DAP nampaknya lebih nasionalis daripada rakan politik Umno, MCA.

“Dr Mahathir fikir kami seperti MCA yang lagu partinya lagu dalam bahasa Cina. Tetapi sekarang beliau tahu ia sebenarnya dalam bahasa kebangsaan,” kata Lim.

“Beliau berkata BN (Barisan Nasional) lebih perkauman daripada DAP dan ini penting bagi kami kerana malah bekas perdana menteri mengiktiraf semangat berbilang kaum kita.

“Kami bertempur untuk perjuangan kami selama lebih 50 tahun dan ada mengatakan kami bodoh berbuat demikian, tetapi ia kini tidak lagi.”

Pengiktirafan Dr Mahathir terhadap DAP adalah pemangkin, tambah Lim dan dianggap amat diperlukan sebagai galakan untuk parti terus bergerak ke hadapan dalam usaha meyakinkan rakyat ia bukan parti "cauvinis" seperti didakwa Umno itu.

"Jika kita boleh melakukan ini, saya boleh jamin 50 tahun dari sekarang, kita masih ada.

"Najib mahu memusnahkan kita dalam pilihan raya umum akan datang. Tetapi mari kita tunjukkan kita adalah parti untuk rakyat manakala BN adalah parti yang akan memusnahkan masa depan mereka."

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/04/tindakan-najib-main-isu-perkauman-tanda-terdesak-kata-guan-eng/>